

9.5.2026  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## **MENGOPTIMUMKAN EMPANGAN MENGKUANG YANG DIPERBESARKAN DENGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR BAHARU**

- **Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang baharu berkapasiti 114 JLH akan menghasilkan lebih banyak air terawat di SPT untuk bekalan di SPT.**

PULAU PINANG, Sabtu, 9.5.2026: PBAPP kini sedang membina sebuah loji rawatan air baharu bagi mengoptimumkan penggunaan Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD) di Seberang Perai Tengah (SPT).

LRA Taman Mengkuang bernilai RM250 juta kini sedang dibangunkan di kawasan di bawah puncak EMD. Kerja-kerja pembinaan LRA baharu ini bermula pada 19.5.2025 dan dijadualkan siap menjelang November 2026.

Ia merupakan LRA pertama daripada empat (4) LRA baharu yang sedang dibangunkan oleh PBAPP untuk Pulau Pinang di bawah Fasa dua (2) Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030).

Tiga lagi LRA yang akan memanfaatkan Sungai Kerian, Sungai Perai dan Sungai Muda dijadualkan siap menjelang tahun 2030.

Secara keseluruhannya, Fasa 2 akan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di Seberang Perai sebanyak 478 JLH. Oleh itu, Seberang Perai akan kurang bergantung kepada bekalan air terawat dari LRA Sungai Dua.

Ini akan membolehkan PBAPP menyalurkan lebih banyak air terawat dari Sungai Dua ke Pulau Pinang menerusi saluran paip khusus dan Projek Paip Berkembar Dasar Laut Pulau Pinang Ketiga (PTSP ke-3).

### **Penukaran fungsi EMD**

Harap maklum bahawa pengoperasian LRA Taman Mengkuang pada tahun 2026 akan “menukarkan” fungsi EMD daripada sebuah “empangan simpanan strategik musim kemarau” semata-mata kepada sebuah “empangan dwifungsi”.

LRA Taman Mengkuang akan menggunakan air dari EMD setiap hari untuk menghasilkan lebih banyak air terawat di SPT bagi bekalan di SPT.

Pada masa yang sama, EMD akan terus berfungsi sebagai “empangan sokongan” bagi Pulau Pinang semasa musim kering dan situasi kecemasan lain yang melibatkan Sungai

Muda.

Rasional utama penukaran fungsi EMD ini adalah seperti berikut:

- Pulau Pinang merupakan sebuah negeri kecil dengan sumber air mentah yang terhad. Dalam usaha memastikan kecukupan bekalan air sehingga tahun 2030, PBAPP perlu mengoptimumkan semua sumber air mentah yang ada.
- EMD ialah empangan terbesar di Pulau Pinang. Kapasiti efektif maksimumnya ialah 86,400 juta liter (JL). Sebagai perbandingan, kapasiti efektif maksimum Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang masing-masing ialah 2,159 JL dan 18,240 JL.
- Sejak penyerahan sebahagian EMD oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021, kapasiti efektifnya tidak pernah menurun di bawah paras 80%. Oleh itu, fungsinya sebagai aset air utama Pulau Pinang boleh terus dioptimumkan.
- Dengan pengoperasian Rumah Pam Lahar Yooi berkapasiti 440 JLH pada tahun 2028, EMD boleh diisi semula dengan lebih cepat dan efisien ketika musim hujan.
- Pada tahun 2025, penggunaan air di SPT ialah sebanyak 206 JLH, iaitu yang tertinggi antara lima (5) daerah di Pulau Pinang. SPT sahaja menyumbang kira-kira 23.8% daripada purata penggunaan air harian Pulau Pinang sebanyak 865 JLH pada tahun 2025.

Pada masa hadapan, pengeluaran air dijangka meningkat kepada 297 JLH atau lebih menjelang tahun 2032, terutamanya disebabkan pembangunan hartanah, pelaburan industri serta pembangunan kediaman baharu di SPT.

Walau bagaimanapun, PBAPP akan terus memantau kapasiti efektif EMD secara rapat dan berterusan. Kami mungkin mengurangkan atau menghentikan pengeluaran air terawat di LRA Taman Mengkuang sekiranya kapasiti efektif empangan itu menurun ke paras amaran.

Kami akan memastikan operasi harian LRA Taman Mengkuang tidak menjejaskan peranan EMD sebagai empangan paling penting di Pulau Pinang untuk situasi kecemasan.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)